

06 SEP 2000

Shukor-Internet

PELAJAR TELAH DIBERI GARIS PANDUAN UNTUK MEMILIH MAKLUMAT INTERNET

KUALA LUMPUR, 6 Sept (Bernama) -- Garis panduan mengenai penggunaan Internet oleh pelajar semasa di sekolah telah dikeluarkan Kementerian Pendidikan bagi melahirkan pelajar yang berfikiran kreatif dan kritikal dalam memilih maklumat.

Ketua Pengarah Pendidikan Datuk Seri Dr Abdul Shukor Abdullah berkata kurikulum KBSM dan KBSR yang telah lama dilaksanakan turut mengajar pelajar membuat keputusan dengan bijak.

"Garis panduan itu bertujuan untuk melatih pelajar memilih maklumat penting dalam Internet, apa yang fakta dan apa yang bukan fakta," katanya kepada pemberita pada majlis menandatangani perjanjian persefahaman antara TV3 dan kementerian mengenai kejohanan ragbi bawah 15 tahun 7 sebelah sekolah-sekolah Malaysia di sini hari ini.

Pada majlis itu, Abdul Shukor Abdullah mewakili kementerian manakala TV3 diwakili oleh Pengarah Urusannya, Hisham Abdul Rahman.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa bercakap kepada media Malaysia di Chicago, Amerika Syarikat pada Isnin, kesal kerana rakyat Malaysia lebih gemar menggunakan Internet untuk menyebarkan dan mendapatkan maklumat yang bukan-bukan.

Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob yang mengulas kenyataan Perdana Menteri itu semalam berkata pelajar perlu diberi kesedaran tentang faedah dan keburukan daripada penggunaan Internet.

Menurut Abdul Shukor kurikulum KBSM dan KBSR pula diserapkan pelajaran pemikiran kritis yang bertujuan mengajar pelajar membuat keputusan dengan bijak.

Mengenai persiapan untuk mengumumkan keputusan SPM seawal-awalnya Februari tahun hadapan, beliau berkata kementerian akan menyediakan infrastruktur dan jumlah pemeriksa yang cukup untuk menentapi tarikh keputusan peperiksaan tersebut.

Beliau berkata jumlah pemeriksa yang akan menandatangani kertas peperiksaan itu perlu mencapai bilangan yang sesuai dengan proses pengukuhan infrastruktur pentadbiran yang kini dibuat oleh Lembaga Peperiksaan.

Mengenai kejohanan ragbi itu pada 11-12 Nov di Stadium MPPJ, Kelana Jaya, Shukor berkata ragbi dipilih kerana ia merupakan permainan yang berdisiplin, memerlukan latihan yang intensif dan dapat membentuk personaliti daripada segi ketahanan dan sikap tolak ansur terutama sekali di kalangan remaja lelaki.

"Pada usia yang masih remaja, excess energy mereka dapat disalurkan dalam saluran yang betul iaitu melalui sukan ini dan bukan seperti memecahkan kerusi, merosakkan tandas sekolah seperti yang berlaku sekarang ini," katanya.

Hisham pula berkata persefahaman ini adalah kesinambungan daripada kerjasama menjayakan Pertandingan Pancaragam Sekolah-Sekolah peringkat kebangsaan yang disiarkan secara langsung oleh TV3 pada Julai lalu dan disaksikan seramai 1.4 juta penonton.

Menurutnya kejohanan ragbi itu ditaja sepenuhnya oleh TV3 dengan tujuan untuk memartabatkan sukan ragbi ini bukan sahaja di peringkat kebangsaan tetapi di peringkat antarabangsa pada masa-masa akan datang.

"TV3 juga berharap dapat membantu mengenalpasti bakat yang berpotensi untuk mewakili negara dalam bidang sukan amnya dan sukan ragbi khususnya," katanya.

Kejuaran tahun ini disertai oleh 15 pasukan yang terdiri daripada satu pasukan yang mewakili setiap negeri di Malaysia dan Sekolah Sukan Bukit Jalil, Selangor.

-- BERNAMA

NJ AHH LAT